

Puteri berusaha kekalkan kemenangan BN

Utusan Online

12 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 11 Mei - Pergerakan Puteri UMNO akan mempergiatkan usaha membantu rakyat dalam memastikan Barisan Nasional (BN) kekal memegang tampuk pemerintahan negara.

Ketuanya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, walaupun usia Puteri UMNO dalam dunia politik negara masih muda, namun peranannya untuk memperkasakan parti Melayu itu adalah sama penting dengan sayap-sayap yang lain.

Beliau berharap semua ahli Puteri akan terus komited memastikan UMNO sentiasa dekat di hati rakyat, terutamanya bersempena dengan sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-66.

"Memang benar Puteri tiada semasa UMNO di awal penubuhannya dan semasa ia berjuang memerdekakan negara tetapi kelahiran Puteri telah banyak membantu parti terutamanya dalam menarik golongan muda.

"Justeru, cabaran politik juga berbeza dengan zaman dahulu. Kita kini berhadapan dengan cabaran dan senario politik yang semakin mencabar," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan konvoi Sambutan Hari Jururawat, Ibu dan Guru anjuran Puteri UMNO sempena sambutan ulang tahun parti itu di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Rosnah yang juga Timbalan Menteri Kesihatan menyeru ahli pergerakan itu supaya bersiap-sedia dengan membina kekuatan fizikal dan mental dalam berdepan dengan pilihan raya akan datang.

"Semua cawangan Puteri termasuk di peringkat akar umbi diminta untuk bersedia dan sentiasa menambah baik khidmat mereka dalam mendekati diri kepada rakyat," katanya.

Sebanyak 20 buah kereta menyertai konvoi yang akan mengunjungi Hospital Ampang dan Hospital Kuala Lumpur bagi meraikan 680 jururawat sempena Hari Jururawat yang disambut esok.

Pada majlis tersebut, Rosnah turut menyampaikan pelekat kereta kepada semua Ketua Puteri UMNO negeri bertujuan menjayakan konvoi yang sama di negeri masing-masing.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0512&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm